

GARISPANDUAN PERMOHONAN UNTUK MENGIKUTI/ MENERUSKAN PENGAJIAN DI LUAR NEGERI

1. Pelajar yang berhasrat untuk mengikuti pengajian di luar negeri (pelajar baru) atau kembali ke negara pengajian (pelajar yang masih dalam pengajian) adalah dikehendaki untuk mendapatkan **surat pengesahan daripada universiti / institusi termasuk tarikh mula pengajian / latihan**. Permohonan pelajar untuk kembali ke negara pengajian hanya akan dipertimbangkan, jika:
 - a. Pelajar dikehendaki oleh pihak universiti/ institusi pengajian secara *face-to-face interaction* atau secara *blended mode* (*face-to-face interaction* dan *online learning*); atau
 - b. Pelajar dikehendaki untuk menduduki peperiksaan secara fizikal dan diperlukan berada di negara pengajian; atau
 - c. Pengajian pelajar memerlukan penggunaan makmal atau studio; atau
 - d. Pelajar dikehendaki untuk mengikuti penempatan klinikal di negara pengajian.

Nota: Permohonan untuk kembali ke negara pengajian atas sebab selain dari yang dinyatakan di atas akan dinilai secara *case-by-case*.

2. Kebenaran bagi pelajar untuk kembali ke negara pengajian adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:
 - a. Kebenaran untuk ke luar negeri daripada Jabatan Perdana Menteri;
 - b. Nasihat dan pandangan daripada Kementerian Kesihatan;
 - c. Nasihat dan pandangan daripada perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara;
 - d. Kebenaran daripada pihak Kementerian atau penaja masing-masing; dan
 - e. Kebenaran daripada pihak Kerajaan di negara pengajian untuk memasuki ke negara berkenaan (jika diperlukan).
3. Pelajar dikehendaki untuk mengisi borang-borang yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan lengkap dan dihantar kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan:
 - a. Borang A (COVID-19) - Borang Memohon Kebenaran Kembali ke Negara Pengajian; dan
 - b. Borang B (COVID-19) - Borang Deklarasi: Kembali ke Negara Pengajian.

Borang A (COVID-19) dan Borang B (COVID-19) boleh didapati di laman sesawang Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn dan hendaklah dikembalikan ke alamat emel: scholarship@moe.gov.bn

Nota:

- a. Permohonan hendaklah dihadapkan kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan tidak kurang dari 1 bulan dari tarikh meninggalkan Negara Brunei Darussalam.
 - b. Proses permohonan akan mengambil masa 7 hari bekerja dari tarikh permohonan pelajar dihadapkan.
4. Jika kebenaran keluar negeri sudah diperolehi daripada Jabatan Perdana Menteri, pelajar dikehendaki untuk memaklumkan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan bagi urusan penerbangan (jika berkenaan).